

IHPR turun 4.8 peratus pada Jun

Oleh **NUR NAZLINA NADZARI**
ekonomi@utusan@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Indeks Harga Pengeluar Malaysia (IHPR) yang mengukur harga barangan di pintu kilang, terus menurun sebanyak 4.8 peratus pada Jun lalu berbanding 4.6 peratus pada bulan sebelumnya.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, sektor pertanian, perhutanan dan perikanan terus turun selama enam bulan berturut-turut pada tahun ini, mencatatkan -20.4 peratus (Mei: -27.2 peratus).

Katanya, ini disebabkan oleh penurunan dalam indeks buah tandan segar kelapa sawit sebanyak -34.4 peratus pada Jun.

"Sektor perlombongan jatuh negatif 16.6 peratus (Mei: -10.7 peratus), disebabkan oleh penurunan dalam indeks Pengekstra-



DR. MOHD. UZIR MAHIDIN

kan petroleum mentah sebanyak 23.3 peratus.

"Pada masa yang sama, sektor pembuatan juga mencatatkan penurunan sebanyak 1.8 peratus. Indeks pembuatan produk makanan jatuh 9.9 peratus manakala indeks pembuatan komputer, produk elektronik dan optikal meningkat sebanyak 7.5 peratus.

"Bagi sektor utiliti, kedua-dua indeks bekalan air dan bekalan elektrik dan gas masing-masing meningkat 3.2 peratus dan 1.0 peratus," katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, pada asas bulanan, IHPR pengeluaran tempatan menurun 0.3 peratus pada Jun (Mei 2023: -0.4 peratus).

Menurutnya, sektor perlombongan merosot sebanyak 1.6 peratus, dipengaruhi oleh penurunan dalam indeks pengekstrakan petroleum mentah sebanyak 0.8 peratus dan pengekstrakan gas asli sebanyak 3.7 peratus.

"Sektor pertanian, perhutanan dan perikanan menurun sebanyak 1.0 peratus disebabkan oleh penurunan dalam indeks penanaman tanaman kekal sebanyak 2.2 peratus.

"Sebaliknya, indeks sektor pembuatan tidak berubah pada

Jun 2023. Bagi sektor utiliti pula, indeks bekalan air naik 0.9 peratus manakala indeks bekalan elektrik dan gas turun 0.6 peratus," ujarnya.

Mengulas mengenai IHPR pengeluaran tempatan mengikut peringkat pemprosesan, Mohd. Uzir berkata, indeks bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya terus menurun sebanyak negatif 18.7 peratus pada Jun 2023, dengan indeks bahan bukan makanan mencatatkan penurunan negatif 22.9 peratus.

Jelasnya, indeks bahan perantaraan, bekalan dan komponen juga mencatatkan penurunan negatif 2.8 peratus disebabkan oleh penurunan dalam indeks bahan dan komponen untuk pembuatan (-6.6 peratus) dan bahan api yang diproses dan pelincir (-3.3 peratus).

Sementara itu, indeks barang

siap naik 3.3 peratus, disebabkan oleh peningkatan dalam

kelengkapan modal (4.4 peratus) dan barangan pengguna siap (2.0 peratus).

"IHPR pengeluaran tempatan terus menurun sebanyak negatif 4.1 peratus pada suku tahun kedua 2023 (suku pertama 2023: -0.8 peratus). Penurunan ini disebabkan oleh sektor pertanian, perhutanan dan perikanan (-24.6 peratus), perlombongan (-10.8 peratus) dan pembuatan (-1.0 peratus).

"Sebaliknya, indeks bekalan air dan bekalan elektrik dan gas masing-masing meningkat sebanyak 3.2 peratus dan 0.8 peratus," jelasnya.

Tambahnya, ringkasan bagi separuh tahun pertama 2023, IHPR Malaysia jatuh negatif 2.5 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lepas.